



کمنتريين حال احوال دالم نكري

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PELAN *DE-ESCALATION* TAHAP KELIMA "*NEW NORMAL*" PERKHIDMATAN PENYAJIAN MAKANAN DI PREMIS-PREMIS MAKANAN BERMULA HARI ISNIN, 08 MAC 2021

Bermula hari Isnin, 08 Mac 2021, pelaksanaan Pelan *De-Escalation* bagi **premis-premis makanan seperti restoran, kafe, dan *food court*** adalah di **Tahap Lima "*New Normal*"** dan hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

BAGI PENGUSAHA PREMIS MAKANAN:

1. Pengurus premis makanan dikehendaki untuk menyediakan kod QR Bruhealth yang khusus bagi premis mereka dan seterusnya mencetak kod QR tersebut dalam jumlah yang mencukupi dan dilekatkan di beberapa kawasan yang sesuai seperti kawasan pintu masuk premis untuk diimbas oleh pelanggan sebelum masuk dan seurus sebelum meninggalkan premis. Bagi memudahkan pengunjung-pengunjung yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas kod QR, pengurus premis boleh menyediakan buku daftar bagi mencatat butiran peribadi pengunjung.
2. Premis makanan boleh beroperasi pada **kadar kapasiti** seperti **biasa**;
3. Penyediaan makanan secara ***buffet*** adalah **dibenarkan**;
4. Pekerja-pekerja premis makanan yang mengendalikan dan menyediakan makanan adalah **digalakkan** untuk sentiasa memakai penutup muka yang bersesuaian dengan tugas pengendali makanan;
5. Pekerja premis makanan yang tidak sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja;



کمنتريين حال احوال دالم نكري

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

6. Mana-mana pengusaha-pengusaha premis makanan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang disebutkan tadi, boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204; dan
7. Pengusaha-pengusaha premis makanan adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

BAGI PENGUNJUNG PREMIS MAKANAN:

1. Para pengunjung hendaklah mengimbas kod QR di premis. Para pengunjung yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas kod QR bolehlah mengisikan butiran peribadi ke dalam buku daftar yang disediakan oleh premis makanan.
2. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengamalkan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan *hand sanitizer* serta menggunakan sungkup muka apabila berada di kawasan yang penuh sesak.
3. Orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis makanan sehingga telah sembuh.